

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **RAHMAH PA TAKAFUL**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Takaful Am

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu RAHMAH PA TAKAFUL?

RAHMAH PA TAKAFUL ialah pelan kemalangan diri yang memberi pampasan kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal akibat kemalangan dan elaun pengebumian.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

Seksysen	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM) Setiap Orang	
		Pelan 1	Pelan 2
Seksysen 1	Kematian Akibat Kemalangan	80,000	40,000
Seksysen 2	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	80,000	40,000
Seksysen 3	Elaun Pengebumian	1,000	1,000

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah Seksysen 1 dan Seksysen 2 berkenaan dengan setiap orang, setiap kemalangan atau setiap tahun sijil takaful tidak boleh melebihi RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2) daripada jumlah diinsuranskan. Sekiranya kami telah membayar sejumlah RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2), perlindungan di bawah sijil takaful akan ditamatkan.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil anda tidak melindungi:

- Penyakit berjangkit atau penyakit mudah jangkit;
- Keadaan sedia ada;
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
- Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya; atau
- Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuklear dan tindakan penganas.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Oneline)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Email kepada
info@etiqa.com.my



Imbas QR kod

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk **RAHMAH PA TAKAFUL**, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang dipilih. Anda harus membayar sumbangan sebanyak:

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2
Sumbangan Asas	RM 75.36	RM45.28
(-) Diskaun Kepada Pelanggan	25%	25%
Jumlah Sumbangan	RM 56.52	RM33.96

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Cukai Perkhidmatan	8%	8%
Jumlah Wakalah Fi	Sehingga 45%	Sehingga 45%
Duti Setem	RM 10.00	RM10.00
Jumlah Sumbangan Kena Bayar	RM 66.52	RM43.99

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran.

4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup di dalam borang permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
- Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

 Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa General Takaful Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS.

*Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh: